

# BENTUK METODOLOGI PENGAJARAN RASULULLAH SAW DARI PERSPEKTIF PEMIKIRAN IMAM AL-NAWAWI MENERUSI KITAB HIMPUNAN HADIS EMPAT PULUH

Nazirah Hamdan  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Hamdan N. & Jasmi K. A. (2013). Bentuk Metodologi Pengajaran Rasulullah SAW Dari Perspektif Pemikiran Imam al-Nawawi Menerusi Kitab Himpunan Hadis Empat Puluh (Teaching Methodology of the Prophet from the Perspective of Imam al-Nawawi Thinking Through the collection of Forty Hadith Book) in *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13] (Proceedings of the First Seminar on Islamic Education and Research [SePPIM'13])* at The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization on 17-18 September 2013, p. 502-521. ISBN: 978-967-12085-0-2.

## ABSTRACT

*Metodologi atau kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh seseorang guru khususnya guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) mereka merupakan aspek yang amat penting bagi memastikan sesuatu P&P itu berjaya. Rentetan itu, sebelum memulakan sesi P&P guru Pendidikan Islam perlu peka, membuat analisis tentang latar belakang pelajar, serta bijak untuk memilih apakah bentuk metodologi yang sesuai untuk digunakan agar pengajaran mereka dapat di terima dan di fahami oleh para pelajar. Jika dilihat dari aspek Pendidikan Islam itu sendiri, sudah pasti model yang tepat untuk dijadikan rujukan adalah Rasulullah S.A.W kerana baginda adalah guru yang terbaik bagi semua umat manusia. Justeru, kertas kerja ini akan mengupas bentuk-bentuk metodologi atau kaedah pengajaran yang digunakan oleh Baginda menurut perspektif pemikiran imam al-Nawawi dalam kitab himpunan hadis empatpuluh.*

## REFERENCES

- \_\_\_\_\_. 2011. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <http://prpm.dbp.gov.my/>, [29/10/2012].
- Al-Nawawi, al-Imam Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf bin Murri bin Husain. (1379H). Al-Arba'un al-Nawawiyah wa Sharhuha. Al-Qahirah: Al-Matba'ah al-Salafiyah.
- Al-Nawawi, al-Imam Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf bin Murri bin Husain. (1405). Al-Arba'un al-Nawawiyah wa Sharhuha. Jeddah: Dar al-Matbu'ah al-Hadithah.
- Al-Nawawi. (2003). Matan al-Arba'in al-Nawawiyah fi al-Ahadith al-Sahihah al-Nabawiyah. Beirut: Maktabah al-Faruq.
- Al-Shabshiri, Abu al-Fadl Muhammad Wali al-Din bin 'Ali Salim. (1318H). Al-Jawahir al-Bahiyah fi Sharh al-Arba'in al-Nawawiyah. Misr: al-Matba'ah al-'Amirah al-Sharfiyyah.
- Abdul Rahim Abdul Rashid, Abdul Aziz Abdul Talib, Abdul Ghafar Md.Din, dan Mohamad Haron. 1992. Panduan Latihan Mengajar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ghazali Darusalam. 2001. Pedagogi Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Kamarul Azmi Jasmi. 2002. Paradigma Imam Al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin. Kuala Lumpur: UM.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab.Halim Tamuri. (2007). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Suhaimi Muhamad. (2007). Tahap Kesediaan Guru Terhadap Perlaksanaan Model Pengajaran Simulasi Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Skudai: UTM

# BENTUK METODOLOGI PENGAJARAN RASULULLAH SAW DARI PERSPEKTIF PEMIKIRAN IMAM AL-NAWAWI MENERUSI KITAB HIMPUNAN HADIS EMPAT PULUH

Nazirah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi

## ABSTRAK

*Metodologi atau kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh seseorang guru khususnya guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) mereka merupakan aspek yang amat penting bagi memastikan sesuatu P&P itu berjaya. Rentetan itu, sebelum memulakan sesi P&P guru Pendidikan Islam perlu peka, membuat analisis tentang latar belakang pelajar, serta bijak untuk memilih apakah bentuk metodologi yang sesuai untuk digunakan agar pengajaran mereka dapat di terima dan di fahami oleh para pelajar. Jika dilihat dari aspek Pendidikan Islam itu sendiri, sudah pasti model yang tepat untuk dijadikan rujukan adalah Rasulullah S.A.W kerana baginda adalah guru yang terbaik bagi semua umat manusia. Justeru, kertas kerja ini akan mengupas bentuk-bentuk metodologi atau kaedah pengajaran yang digunakan oleh Baginda menurut perspektif pemikiran imam al-Nawawi dalam kitab himpunan hadis empatpuluh.*

*Kata kunci: Metodologi, guru Pendidikan Islam (GPI), pengajaran dan pembelajaran (P&P), dan kitab himpunan hadis empat puluh*

## PENGENALAN

Pendidikan Islam merupakan perkara penting yang perlu diketahui dan difahami oleh setiap umat Islam bagi menjadi muslim yang sejati. Seajar dengan itu, Pendidikan Islam memainkan peranan yang penting bagi melahirkan insan yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepada kepatuhan dan kepercayaan kepada Tuhan (Kamarul Azmi dan Abd. Halim, 2007: 24). Maka, bagi memastikan sesi P&P berjalan dengan lancar di samping kefahaman pelajar, setiap guru perlu menguasai dan bijak dalam mempelbagaikan corak pengajaran mereka. Metodologi atau kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh seseorang guru khususnya guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) mereka merupakan aspek yang amat penting bagi memastikan sesuatu P&P itu berjaya. Justeru, guru perlu peka dalam menyediakan, merancang, dan pelaksanaan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan (Suhaimi, 2007)

Dalam kertas kerja ini pengkaji cuba untuk mengupas bentuk-bentuk metodologi yang pernah digunakan oleh baginda Rasulullah s.a.w dengan merujuk kepada hadis empat puluh yang dihimpunkan semula oleh imam Nawawi rahimahullah.

## KITAB HADIS EMPAT PULUH (KHEP)

KHEP merupakan himpunan beberapa hadis yang terpilih dan disusun oleh Imam al-Nawawi (2003) dalam sebuah kitab karangan beliau, iaitu *Matan al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Kitab ini mengandungi sebanyak empat puluh dua hadis sahih daripada Rasulullah SAW yang membincangkan dan menyentuh aspek dasar yang berkaitan akidah, tauhid dan akhlak dalam Islam. Himpunan kitab ini juga dihimpun oleh al-Nawawi dengan harapan agar mampu menjadi asas pegangan umat Islam dalam membentuk sifat orang yang salih (al-Nawawi, 2003: 8). Oleh kerana KHEP ini merupakan kitab penting dalam dunia Islam, maka kitab ini telah dihuraikan dengan panjang lebar dalam kalangan para ulama dalam dunia Islam. Antara kitab huraian KHEP ialah karangan Imam al-Nawawi (1379H; 1405H) sendiri yang bertajuk *al-Arba'un al-Nawawiyyah wa Sharhuba* dan dari lain-lain ulama yang dapat dikesan berjumlah 31 buah kitab yang antaranya ialah tulisan daripada Nazm al-Din Sulaiman (1419H) dengan kitab beliau yang bertajuk *al-Ta'yin fi Sharh al-Arba'in*; Ibn Rajab (1346H) dengan kitab beliau bertajuk *Jami' al-'Ulum wa al-Hikami fi Sharh Khmasin Hadithan min Jawami al-Kalim*-, Ibn Hajar al-Haitami (1317H) dengan kitab beliau yang bertajuk *al-Fath al-Mubin bi Sharh al-Arbain*\ Ibn Hijazi (978H) dengan kitab beliau yang bertajuk *al-Majalis al-Sunniyyah fi al-Kalam 'ala al-Arba'in al-Nawawiyyah*\ al-Shabshiri (1318H) dengan kitab beliau yang bertajuk *al-Jawahir al-Bahiyah fi Sharh al-Arba'in al-Nawawiyyah*; al-Shabrkhiti (1316H) dengan kitab beliau yang bertajuk *al-Futubat al-Wahbiyyat bi Sharh al-Arba'in Hadithan al-Nawawiyyah*, dan Salih 'Abd al-'Aziz (1431H) dengan kitab beliau yang bertajuk *Sharh al-Arba'in al-Nawawiyyah*.

Justeru, hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat ramai ulama Islam telah memberi perhatian kepada kitab ini samada dalam memfokuskan kepada matan dan huraian hadis-hadis Rasulullah SAW yang dihimpunkan oleh imam al-Nawawi. Perbincangan yang mendalam menunjukkan bahawa kitab ini merupakan sebuah kitab yang ringkas tetapi sangat padat isi perbincangannya.

## KAEDAH

Bagi menyempurnakan kajian ini, penulis telah memilih kitab *Syarah al-Arba'in al-Nawawiyyah LilImam al-Nawawiyyah* ('Ali Abdul 'Ala al-Tobthawi. (t.t)). Pengkaji juga memilih kitab terjemahan yang diterjemahkan oleh Mustafa Abdul Rahman (2000) untuk dijadikan teks kajian. Kedua-dua matan hadis dan terjemahannya disusun kembali untuk dijadikan data *verbatim*. Data *verbatim* ini dimasukkan ke dalam program NVivo 7.0 untuk dianalisis bagi membina tema, sub tema, dan

sub-sub tema dengan memfokuskan bentuk metodologi atau kaedah yang terdapat dalam KHEP.

Kesahan kandungan dan tema pula dilakukan melalui beberapa kaedah, iaitu melalui triangulasi data antara ayat al-Quran dan hadis, dan melalui triangulasi data antara hadis dengan hadis. Kaedah ini merupakan salah satu cara untuk meningkatkan

kesahan data sebagaimana yang dijelaskan oleh Wiersma (1991). Keesahan tema dan data juga dilakukan melalui penyediaan definisi operasional bagi setiap tema yang dibina dan setiap penganalisan data disemak dan disahkan oleh penyelia. Kedua-dua bentuk keesahan ini sebagaimana yang dilakukan oleh Mohd Izham Mohd Hamzah (2009).

**SKOP PERBINCANGAN**

Kertas kerja ini adalah bagi mengupas apakah bentuk metodologi atau kaedah yang digunakan oleh baginda Rasulullah s.a.w dalam menyampaikan dakwah Islam dan seterusnya dapat digunapakai oleh setiap warga pendidik khususnya guru Pendidikan Islam (GPI). Justeru itu, pengkaji menggunakan perisian Nvivo versi 7.0 dalam proses menganalisis hadis-hadis tersebut. Penganalisan dijalankan terhadap makna hadis yang telah diterjemahkan terlebih dahulu sebelum ia diproses menerusi perisian tersebut.

**DAPATAN ANALISIS**

Hasil penelitian terhadap kitab himpunan hadis empat puluh (KHEP) pengkaji telah mengenalpasti terdapat tiga perkara utama yang ditekankan oleh Rasulullah SAW menurut paradigma al-Nawawi, iaitu al-Quran sebagai penghujahan; al- Sunnah; bercerita; komunikasi yang jelas dan mudah; metafora; perbandingan; simulasi; soal jawab; suruhan; syarahan; tahgrib; tarhib; dan tegahan. Jadual 1.1 menggambarkan bentuk metodologi atau kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh Rasulullah s.a.w dalam menyampaikan ajaran Islam.

Hadis	1	2	3	4	5	6	7	8	9	1	1	1	1	1	1	1	1	2	2	2	
									0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	0	1	2
Al-																					
Quran sebagai Penghujahan																					
Al-																				-X-X-	
Sunnah																					
Bercerita -	x	x	-	-																	
Komuni	-	x	x	-																	

kasi jelas dan mudah																																							
Metafora	x		x	x		x							x	x								x																	
Perbandi.....																																							
ngn																																							
Simulasi										x																													
Soal										x													-xx																
Jawab																																							
Suruhan											x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x		-x-																
Syarahani										x	x												x-																
atau																																							
Khutbah																																							
Targhib																																							
Tarhib																																							
Tegahan																																							
Hadis																																							
	2	3	2	4	2	5	2	6	2	7	2	8	2	9	3	3	1	3	2	3	3	3	3	5	3	6	3	7	3	8	3	9	4	0	4	1	4	2	
Al-																																							

Quran sebagai Penghujahan

Al-	-	x	-	-	x	-	x	x	-	-	-	-	-	-	-	-	-	x	-
Sunnah																			
Bercerita -																		x	-
																		x	-
Komuni .....																			
kasi jelas																			
dan																			
mudah																			
Metafora x	x																	x	-
																		x	-
Perbandi -	x	x	-																
ngn																			x
Simulasi.....																			
Soal Jawab		x	-	-															x
																			x
Suruhan	x		x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
																			x
Syarah an x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
atau																			x
Khutbah																			
Targhib x	x	x	x	-	-	x	-	-	-	-	x	x	x	x	x	x	x	x	x
																			x
Tarhib				-	x	x	-	-	x	-	x	-	x	-	x	-	x	-	-
Tegahan	x	-				x	x				x	-						x	-

Jika diperhatikan jadual di atas, terdapat sebanyak tiga belas kaedah yang digunakan oleh Baginda SAW iaitu menjadikan al-Quran sebagai penghujahan (HI-, H22, H24, H29, H38, H39, dan H42), al-Sunnah (HI9, H21, H27, H31, H34, dan H41), bercerita (H2, H4, HI-, H29, dan H4-), komunikasi yang jelas dan mudah untuk difahami maksudnya (H3, H5, H7, HI3, dan H2-), metafora (HI, H3, H4, H6, H12, H13, H19, H23, H24, H27, dan H38), perbandingan (H24, H25, dan H27), simulasi (H2), soal jawab (H2, H7, HI6, H21, H22, H25, H27, H29, dan H31), suruhan (H8, H9, HI-, H11, H12, H15, H16, H17, H18, H19, H21, H24, H26, H27, H28, H29, H3-, H32, H33, H34, H35, dan H4-), syarahan (H2, H3, H4, H5, H8, H9, H12, H13, H14, H15, H17, H18, H19, H2-, H23, H25, H26, H27, H28, H29, H3-, H31, H32, H33, H34, H35, H36, H37, H39, H4-, H41, dan H42), tahgrib (H15, H17, H18, H19, H21, H23, H24, H25, H26, H29, H31, H35, H36, H37, H38, dan H42), tarhib (H8, H28, H29, H35, H38, dan H41), dan tegahan (H5, HI6, H24, H3-, H32, H35, dan H4-). Sebagai

contoh, penggunaan metode perbandingan dapat dilihat dalam hadis yang dinukilkan oleh imam al-Nawawi ini:

*Terjemahan: "kebajikan ialah sesuatu yang jiwa dan hati merasa tenang terhadapnya, manakala dosa ialah sesuatu yang menimbulkan perasaan serba salah dalam jiwa dan menggelisahkan dada, sekalipun berbagai fatwa yang diberikan oleh manusia (bahawa ia adalah halal atau haram)"*

*(Al-Nawawi: H27)*

*Terjemahan: "Allah s.w.t mewajibkan ihsan terhadap segala sesuatu. Jika kamu membunuh, laksanakanlah dengan cara yang baik, dan apabila kamu menyembelih, sembelihlah dengan cara yang baik, dan hendaklah seseorang daripada kamu menajamkan pisanya serta hendaklah dia merehatkan sembelihannya"*

*(Al-Nawawi: H17)*

Kedua-dua hadis di atas merupakan contoh kaedah perbandingan dan suruhan sebagaimana yang digunakan oleh Rasulullah SAW. Baginda memberikan satu contoh perbandingan yang jelas kepada kita iaitu kesan yang dapat dirasai oleh hati hasil daripada perbuatan yang dilakukan. Hal ini kerana, jika amal kebaikan yang dibuat, pastinya hati akan menjadi tenang dan begitulah sebaliknya. Selain dari itu, Rasulullah SAW. juga mengeluarkan hadis yang menggunakan metodologi suruhan, agar umat Islam mengamalkan sifat ihsan dalam setiap perbuatan, bukan sahaja kepada sesama manusia, malahan juga kepada binatang dan alam sekitar.

Pengkaji mendapati bahawa imam al-Nawawi membahagikan kaedah targhib kepada dua aspek utama iaitu akhlak dan ibadah. Dalam aspek akhlak tersebut, beliau membincangkan hal yang berkaitan dengan akhlak kepada Allah SWT yang menjurus kepada akhlak dalam mengingati Allah SWT, istiqamah dalam berpegang dengan ajaran Islam, dan mengamalkan sifat zuhud agar seseorang muslim itu bukan sahaja dicintai oleh Allah SWT. tetapi juga dicintai oleh manusia lain. Selain itu, beliau turut membincangkan akhlak kepada manusia iaitu dengan cara melakukan kebaikan untuk dirinya sendiri selain berakhlak kepada orang lain iaitu jiran sekelilingnya dan tetamunya. Aspek akhlak ini turut menyentuh akhlak manusia kepada haiwan iaitu melalui konsep sembelihan, mesti menggunakan pisau yang tajam agar tidak menyiksa haiwan tersebut.

Metodologi yang menggunakan pendekatan targhib memberi penekanan khusus dalam aspek akhlak. Ia dapat dibahagikan kepada tiga pecahan iaitu akhlak kepada agama (mentaati perintah Allah dan tegahan melakukan bidah), diri sendiri (khususnya dalam menjaga percakapannya (lidah) agar tidak menyakiti orang lain dan dirinya sendiri), dan kepada manusia (menghina orang lain dan memusuhi para ulama'). Sebagai contoh, hadis Rasulullah SAW iaitu:

*Terjemahan: "Wabai Nabi Allah! Adakah kita akan dibalas (dipersoalkan) dengan apa yang kita pertuturkan?" Baginda menjawab: "Celakalah kamu! Tidak ada yang menghumbankan*

*manusia ke dalam neraka ke atas muka mereka — dalam riwayat yang lain disebut di atas hidung mereka — melainkan hasil tuaian lidah mereka?"*

*(Al-Nawawi: H29)*

*Terjemahan: "Barangsiapa yang memusubi wali-Ku, maka Aku istiharkan perang terhadapnya"*

*(Al-Nawawi: H38)*

Hadis di atas menunjukkan contoh hadis yang berbentuk tarhib, di mana wujudnya ancaman yang dapat menakutkan umat Islam. Jelas menunjukkan kepada kita akan balasan buruk yang akan diberikan oleh Allah SWT jika seseorang itu tidak menjaga percakapannya kerana ia mungkin akan menyakiti hati atau perasaan orang lain samada disedari atau tidak. Bertepatan dengan konsep akhlak yang perlu menghormati perasaan orang lain, adalah berdosa jika kita menyakiti hati seseorang. Begitu juga halnya dengan kewujudan golongan yang anti-ulama', mereka seharusnya kembali bertaubat untuk mengelakkan dari mendapat kemurkaan Allah SWT.

Kaedah terakhir yang terdapat dalam hasil dapatan kajian ialah hadis yang berbentuk tegahan. Hal ini menunjukkan Rasulullah SAW menggunakan metode tegahan dalam mendidik para sahabat untuk memahami dan mendalami ajaran Islam. Antara bentuk tegahan tersebut ialah benci membenci, bergaduh, bid'ah, membuang masa, dengki-mendengki, dhoror dan dhiror, marah, melakukan kezaliman, melampaui batas, melakukan penindasan, meninggalkan perkara fardhu dan menipu. Sebagaimana hadis Rasulullah SAW iaitu:

*Terjemahan: "Janganlah kamu dengki mendengki, jangan kamu meminta membeli dengan harga yang tinggi bukan dengan tujuan membelinya tetapi untuk menipu orang lain dan memudaratkan mereka, jangan kamu benci membenci, jangan kamu belakang membelakangi, janganlah sebahagian kamu menjual di atas jualan orang lain, dan jadilah kamu semua hamba-hamba Allah yang bersaudara"*

*(Al-Nawawi: H35)*

Berdasarkan hadis di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa Rasulullah SAW melarang umatnya daripada melakukan perkara yang akan menyakiti orang lain seperti yang telah diterangkan sebagaimana di atas. Oleh kerana itu, setiap umat Islam mesti mengamalkan sifat saling hormat-menghormati antara satu sama lain bagi mencapai kemajuan dan kesefahaman dalam hidup bermasyarakat.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai jenis metodologi yang telah diaplikasikan oleh Baginda SAW dalam mendidik para sahabat supaya mereka dapat memahami Islam dengan jelas dan tanpa sebarang keraguan. Sehubungan dari itu, kepelbagaian metodologi ini sewajarnya turut diaplikasikan oleh guru-guru dalam menyampaikan isi pengajaran mereka. Melalui kaedah yang pelbagai ini secara tidak langsung dapat mengelakkan pelajar daripada merasa bosan jika sekiranya seorang guru itu hanya menggunakan satu bentuk metodologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Analisis kajian mendapati bahawa terdapat sebanyak tiga belas kaedah yang digunakan oleh Rasulullah SAW. dalam menyampaikan dakwah baginda, iaitu al- Quran sebagai penghujahan, al-Sunnah, bercerita, komunikasi yang jelas dan mudah, metafora, perbandingan, simulasi, soal jawab, suruhan, syarahan, taghrib, tarhib, dan tegahan. Pengkaji mendapati, Baginda SAW akan menggunakan pendekatan dengan memilih kaedah yang sesuai dengan sesuatu wahyu yang akan disampaikan kepada para sahabat.

Justeru, melalui kepelbagaian kaedah yang wujud ini, seseorang guru harus bijak memilih apakah bentuk kaedah yang tepat dan sesuai untuk digunakan agar proses P&P menjadi lebih berkesan dan menarik. Hal ini disokong oleh Abdul Rahim Abdul Rashid, *et all* (1992: 84) menyatakan bahawa terdapat lima faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah mengajar iaitu, objektif pengajaran yang hendak dicapai, jangka masa pengajaran, bahan-bahan pengajaran yang ada, latar belakang pelajar, serta jumlah dan susunan pelajar. Selain itu, pemilihan kaedah yang bersesuaian ini adalah selaras dengan pendapat yang dikeluarkan oleh Ghazali

Darusalam (2001: 231) iaitu guru harus bijak untuk memilih dan menggunakan apakah sistem, kaedah, dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk digunakan mengikut tahap intelek pelajar. Hal ini kerana melalui sistem, kaedah, dan teknik pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang teratur adalah sangat penting kerana ia dapat menarik minat para pelajar serta memudahkan mereka untuk memahami topik dan isi pelajaran yang disampaikan oleh seorang ustaz atau ustazah. Di samping itu, seorang ustaz atau ustazah itu perlu peka serta mengambil kira tentang kebolehan jasmani dan kemampuan nafsani di mana perkembangan, kebolehan, dan kemahiran setiap pelajar adalah berbeza-beza sama ada dari segi pertuturan mahupun pengetahuan.

Jika dibandingkan bentuk metodologi pendidikan menurut pandangan imam al- Nawawi, hanya terdapat sedikit perbezaan dengan metode yang telah diguna pakai oleh imam al-Syafie dalam menyampaikan ilmu yang ada padanya. Sebagaimana yang kita sedia maklumi ketokohan dan keilmuan beliau dalam keilmuan Islam tidak perlu dipertikaikan lagi kerana latar belakang sejarah keilmuan beliau dipenuhi dengan pengembaraan yang tersusun dan amat menarik dari segi tempat keilmuan dan guru-guru yang ditemuinya dan hal ini memberi kesan terhadap ketinggian ilmu yang dimilikinya (Ghazali Darusalam, 2001: 184).

Menurut Muhammad Abu Zahrah (1946) di antara bentuk metodologi imam al- Syafie adalah pengajaran secara kuliah di mana, beliau mengajar dengan cara duduk di atas kerusi dan di kelilingi atau dilingkungi oleh murid-muridnya. Beliau juga dikatakan pernah mengajar di sebuah masjid *Amr bin Ash* di Mesir dengan menggunakan pendekatan yang sama, iaitu secara kuliah yang bermula dari pagi hingga tengah hari pada setiap hari. Selain dari itu, imam al-Syafie turut menggunakan pendekatan secara imlak kepada para pelajarinya (menyalin atau menulis apa yang keluar dari mulut al-Syafie berkenaan ilmunya), secara halaqah, bentuk perbincangan, secara usuli (berlandaskan sumber asal rujukan pengajaran), dan secara membaca (beliau menggunakan kitab *Al-Muwatta'* karangan gurunya iaitu imam Malik dan membaca kitab *Al-Umm* di hadapan para pelajarinya) (Ghazali Darusalam, 2001: 186).

Jika ditinjau kaedah bentuk pengajaran yang diaplikasikan oleh imam Abu Hanifah, pengkaji mendapati bahawa kaedah penyampaian beliau tidak jauh bezanya dengan kaedah penyampaian ulama yang lain. Beliau menggunakan pelbagai kaedah yang bergantung pada situasi pembelajaran dan persekitaran. Justeru, antara bentuk kaedah yang digunakan oleh beliau adalah secara muj adalah (bedebat, mengelakkan pelajar bertaqlid), memberi nasihat, memberi contoh teladan yang baik, kaedah syarahan atau ceramah, dan kaedah tamrin atau latihan (Ghazali Darusalam, 2001: 203).

Namun begitu, pengkaji berpendapat seseorang guru perlu mempunyai kekreatifan yang tinggi untuk mempelbagaikan bentuk kaedah pengajaran Hal ini penting kerana, jika guru hanya menggunakan corak pengajaran yang sama besar kemungkinan pelajar akan mudah bosan dan jemu kerana penyampain guru adalah statik.

## KESIMPULAN

Dewasa ini, penggunaan rangkaian telekomunikasi dan multimedia semakin berkembang pesat, dan ia turut melampaikan kesannya dalam bidang pendidikan. Pengkaji mendapati penggunaan komputer telah digunakan secara meluas khususnya dalam proses P&P. Hal ini merupakan sesuatu yang memberangsangkan kerana, para ustaz dan ustazah turut tidak ketinggalan dalam menggunakan kemudahan tersebut. Kesannya, mutu pembelajaran dapat ditingkatkan selain menarik minat yang lebih di kalangan pelajar untuk memahami sesuatu isi pelajaran yang disampaikan.

Sebagai kesimpulannya, pengkaji berpandangan bahawa metodologi atau kaedah sememangnya satu perkara yang penting dalam menyampaikan sesuatu isi pelajaran. Melalui kepelbagaian, seseorang *mua'lim* itu harus bijak untuk memilih kaedah yang sesuai untuk digunakan sebagai pendekatan input pengetahuan kepada para pelajar. Hal ini kerana, tokoh-tokoh besar ilmuwan Islam sendiri telah membuktikan bahawa mereka turut menggunakan pelbagai kaedah penyampaian yang berbeza, bergantung kepada situasi yang diperlukan.

## PENAKUAN

Penghargaan ditujukan kepada Universiti Teknologi Malaysia di bawah Geran Universiti Penyelidikan bertajuk "Bentuk Metodologi Pengajaran Rasulullah SAW dari Perspektif Pemikiran Imam Al-Nawawi Menerusi Kitab Himpunan Hadis Empat Puluh". Penyelidikan ini juga dibiayai oleh Biasiswa Zamalah yang disediakan oleh Universiti Teknologi Malaysia sesi 2011/2012.

## RUJUKAN

\_\_\_\_\_. 2011. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <http://prpm.dbp.gov.my/> [29/10/2012]

Al-Nawawi, al-Imam Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf bin Murri bin Husain. (1379H). *Al-Arba'un al-Nawawiyyah wa Sharhuba*. Al-Qahirah: Al-Matba'ah al-Salafiyyah.

Al-Nawawi, al-Imam Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf bin Murri bin Husain. (1405). *Al-Arba'un al-Nawawiyyah wa Sharhuba*. Jeddah: Dar al-Matbu'ah al-Hadithah.

Al-Nawawi. (2003). *Matan al-Arba'in al-Nawawiyyah fi al-Ahadith al-Sahihah al-Nabawiyyah*. Beirut: Maktabah al-Faruq.

Al-Shabshiri, Abu al-Fadl Muhammad Wali al-Din bin 'Ali Salim. (1318H). *Al-Jawahir al-Bahiyah fi Sharh al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Misr: al-Matba'ah al-'Amirah al-Sharfiyyah.

Abdul Rahim Abdul Rashid, Abdul Aziz Abdul Talib, Abdul Ghafar Md.Din, dan Mohamad Haron. 1992. *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications&Distributors Sdn. Bhd
- Kamarul Azmi Jasmi. 2002. *Paradigma Imam Al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. Kuala Lumpur: UM.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab.Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: UTM
- Suhaimi Muhamad. (2007). *Tabap Kesediaan Guru Terhadap Perlaksanaan Model Pengajaran Simulasi Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam*. Skudai: UTM